

“Apply, Spend and Earn up to 15,000 Petron Miles Points - Acquisition Campaign”

Terms and Conditions

Campaign Period

1. This Campaign is valid from 15 December 2017 until 28 February 2018, both dates are inclusive (“Campaign Period”).

Eligibility

2. The Campaign is open exclusively to new-to-bank PB – Petron Visa Gold Credit Cardmember(s) who are / aren’t also Petron Miles Cardmembers during the campaign period (“**Eligible Cardmember**”).
3. The following persons are excluded from participating in this Campaign: -
 - a) Former Cardmember(s) of invalid or cancelled or delinquent or suspended or terminated account at any time during the Campaign Period and the time of fulfillment;
 - b) Existing Public Bank / Public Islamic Bank Principal Credit Cardmember;
 - c) Employees of the Public Bank Group and Petron Malaysia, its advertising, their immediate families or any other persons connected with the administration of the Campaign;
 - d) Any Public Bank Cardmembers applied via Direct Sales channel or Ringgit Plus channel.
4. Eligible Cardmembers who applied for a Public Bank Credit Card via this “Apply, Spend and Earn up to 15,000 Petron Miles Points - Acquisition Campaign” campaign will not be eligible for other PB Credit Card Acquisition Offers

Participation Criteria

5. The Eligible Cardmembers must follow these steps during the Campaign period :-

- a) Apply PB - Petron Visa Gold Credit Card and get the card approved anytime within the Campaign period by sending the application form to cardsmarketing@publicbank.com.my / nearest Public Bank or Public Islamic Bank branches.
- b) The Eligible Cardmembers must make an accumulative of RM 300 retail purchases on his/her PB - Petron Visa Gold Credit Card within 60 days from the card approved date.
- c) The Eligible Cardmembers is required to perform an one (1) time Short Message Service (SMS) registration to 66300 within 60 days from the card approved date by following the example given :-

SMS : “PBVD <space>16-digit Credit Card No and send to 66300”

(e.g. PBVD 4678941234123412)

Any SMS registration with a Supplementary Credit Card number shall not be accepted and shall be void. One time SMS registration by Principal Cardmember only.

- d) The Eligible Cardmember is responsible to ensure that the SMS details are complete, accurate and sent during the Campaign Period. Proof of SMS sent does not constitute a confirmation of receipt by the Bank.
- e) The Eligible Cardmember who successfully registers for the Campaign will receive a SMS confirmation from the Bank. The registration is deemed as not successful if the Eligible Cardmembers did not receive a confirmation of the registration of this Campaign from Public Bank. A standard normal Telco Operator charges apply for each SMS registration and shall be fully borned by the Eligible Cardmember.
- f) In the event the Card number received by Public Bank is incomplete or invalid, an SMS will be sent to the mobile number used by the Eligible Cardmembers for the registration of this Campaign at no cost notifying them to re-register themselves for this Campaign through SMS.
- g) Upon successful registration, the Eligible Cardmembers must use their PB - Petron Visa Gold Credit Card to meet the Eligible Spend as set out in Clause 7 below.
- h) The Bank reserves the absolute discretion to disqualify any registration due to duplicate entries, incomplete/ inaccurate SMS, late entries, error message, unsuccessful

registration due to network failure and / or interruption experienced by a Telco Operator or for any reason whatsoever as the Bank may in its absolute discretion deem fit.

- i) If the date and time of a successful SMS registration captured in the Bank’s system differs or a dispute arises as to when the registration took place, the Bank’s system date and time shall prevail.

Campaign Mechanics

- 6. To participate in the Campaign, the Eligible Cardmember(s) is required to meet the Campaign qualifying mechanics by performing the following :-

Gift	Mechanics
10,000 Petron Miles Points	Spend an accumulative of RM300 on any retail purchases (exclude Petron fuel) within 60 days from card approved date
<u>Additional</u> 5,000 Petron Miles Points	Spend an accumulative of RM500 at Petron Stations within 60 days from card approved date

- 7. Eligible Spend shall, for the purpose of this Campaign, mean any spend accumulative amount of RM300 equivalent in any foreign currency per transaction made during the Campaign Period using the Card (“Eligible Spend”). Eligible Spend made in a foreign currency other than Ringgit Malaysia, Public Bank prevailing exchange rate should be adopted.
- 8. All retail transaction must be charged to the PB - Petron Visa Gold Credit Card to qualify as Eligible Spend under this Campaign.
 - a) Eligible Spend on retail purchase stated in campaign mechanics above includes purchase transaction of goods and services and shall not include Petron fuel.
 - b) Eligible Spend at Petron Stations stated in campaign mechanics above includes purchase transaction of Petrol Fuel and retail items at Petron Stations nationwide.
- 9. For the purpose of this Campaign, the Eligible Spend means the purchase of any goods or services (local and overseas) with the use of PB - Petron Visa Gold Credit Card (“**Eligible Card**”) and may, at Public Bank’s discretion, include PB - Petron Visa Gold Credit Card transaction as may be determined by Public Bank except for the following transactions but not limited to:

- a) “Flexipay” AND “Zero Interest Instalment Plan” monthly instalment payment
- b) Balance Transfer
- c) Auto-Debit & Recurring Payments
- d) Payments for utilities, direct marketing, insurance premiums, government related payments or payment via www.pbebank.com
- e) Any refund, disputed, unauthorized or fraudulent retail transaction
- f) Cash Advance / Cash Withdrawal, quasi cash, casino transactions, interest payments, late payment fees, finance charges, annual fees, reversals, payment to charity(ies), Goods and Services Tax and any other form of service / miscellaneous fees.

Petron Miles Points

- 10. Each Eligible Cardmember is only entitled up to 15,000 – Petron Miles Points (“Campaign Item”) throughout the Campaign period.
- 11. Campaign Item will only be awarded to the Principal Cardmember only.
- 12. The following Terms and Conditions apply to the Campaign Item :-
 - a) The Bank reserves the right to substitute any of the Campaign Item with that of similar value at any time without prior notice.
 - b) Campaign Item is not transferable, non-negotiable and non-exchangeable for cash, credit or other kinds, whether in part or in full.
 - c) The Campaign Item will be delivered to the Eligible Cardmember within FOUR (4) to EIGHT (8) weeks after each participating month and upon fulfillment of all terms and conditions listed.
 - d) Public Bank does not warrant nor liable for any delay, lost or bodily injury occasioned by the use or consumption of the Campaign Item. The Bank shall not be liable to recognize or replace any lost or stolen prizes.
 - e) The Eligible Cardmember is to liaise / contact the Petron Malaysia directly for any related Petron Miles Points information, claim and/or terms and conditions specific to the products & services, redemption, and/or usage of the Campaign Item.

f) The fulfillment of the Campaign Item is handled by AIMIA Proprietary Loyalty – Agency of Petron Malaysia with its registered address at Level 5 Wisma UOA II, No 21 Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia (“AIMIA”).

g) The contact details of the Eligible Cardmember as per the Bank’s records will be shared with AIMIA or a substitute service provider if the necessity arises, for the purposes of delivering the Campaign Item.

h) If there is any dispute or non-receipt of the Campaign Item, the Eligible Cardmember is required to contact PB Card Customer Service (03-2176 8000) by **31 May 2018** at the latest for inquiry. No request for any inquiry will be entertained after **31 May 2018**.

13. Petron Miles Points can be redeemed for Petrol fuel at all Petron Stations nationwide or other merchandised items at www.petronmiles.com.my, subject to other terms and conditions that Petron Malaysia may have.

14. Petron Miles Points accumulated in Cardmember’s Card will expire in the event Cardmember does not make any purchase and earn any Petron Miles Points within twelve (12) months from the date the last points were awarded. In such event, the Card will be cancelled and accumulated Petron Miles Points will be forfeited at the discretion of the Company and without notice to Cardmembers and subject to other terms and conditions that Petron Malaysia may have.

General Terms and Conditions

15. The Bank reserves the right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty one (21) calendar days prior notice which notice of such change, amendment, deletion or addition shall be published on the Bank's website www.pbebank.com.

16. By participating in this Campaign, the Eligible Cardmember :

a) Shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by these Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained;

- b) Agrees and consents that information regarding him/her can be processed, collected, used and stored by the Bank for the purpose of this Campaign;
- c) Agrees that the decision of the Bank will be final, binding and conclusive and that no appeal, correspondence, queries or protests will be entertained; and
- d) Agrees and consents that the Bank, as the case may be, may use his/her registered contact number for marketing purposes within the Bank.

- 17. Public Bank is not affiliated with Petron Malaysia and makes no representation or warranty with respect to suitability of the Campaign Item.
- 18. Public Bank shall not be liable for any misinterpretation or misrepresentation of facts by any unauthorized third party in respect of this Campaign and/or the Prizes offered which is published in any mass media, marketing or advertising materials.
- 19. The Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend the Campaign. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the Eligible Cardmember to any claim or compensation against the Bank for any and all loss or damage suffered or incurred by the Eligible Cardmember as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
- 20. The Bank shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or whatsoever suffered by the Eligible Cardmember caused directly or indirectly, in whole or in part, from his/her participation in the Campaign as a result of any act or omission on the part of the Bank.
- 21. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in Cardmember Agreement applicable to Eligible Cardmember's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "Apply, Spend and Earn up to 15,000 Petron Miles Points - Acquisition Campaign".
- 22. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.

-----END-----

“Kempen Pemerolehan - Pohon, Belanja dan Dapatkan Sehingga 15,000 Mata Ganjaran Petron Miles”

Terma Dan Syarat

Tempoh Kempen

1. Kempen ini sah dari 15 Disember 2017 hingga 28 Februari 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”).

Kelayakan

2. Kempen ini terbuka secara eksklusif kepada Ahli Kad Kredit Emas PB – Petron Visa yang baharu yang merupakan ahli / bukan ahli Kad Petron Miles semasa tempoh kempen (“**Ahli Kad yang Layak**”).
3. Mereka yang berikut dikecualikan daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini:-
 - a) Bekas Ahli Kad yang akaun mereka tidak sah atau dibatalkan atau culas atau digantung atau dibatalkan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen dan pada waktu penunaian;
 - b) Ahli Kad Kredit Utama Public Bank / Public Islamic Bank yang sedia ada;
 - c) Kakitangan Kumpulan Public Bank dan Petron Malaysia, agensi pengiklanan mereka, ahli keluarga terdekat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan pengurusan Kempen ini;
 - d) Mana-mana Ahli Kad PB yang memohon melalui saluran Jualan Langsung atau saluran Ringgit Plus.
4. Ahli Kad yang Layak yang memohon Kad Kredit Public Bank melalui “Kempen Pemerolehan - Pohon, Belanja dan Dapatkan Sehingga 15,000 Mata Ganjaran Petron Miles” ini tidak layak untuk Tawaran Pemerolehan Kad Kredit PB yang lain.

Kriteria Penyertaan

5. Ahli Kad yang Layak mesti mengikuti langkah-langkah yang berikut semasa tempoh Kempen:-

- a. Memohon Kad Kredit Emas PB – Petron Visa dan pastikan kad itu diluluskan pada bila-bila masa dalam tempoh Kempen dengan menghantar borang permohonan kepada cardmarketing@publicbank.com.my / cawangan Public Bank atau Public Islamic Bank yang berhampiran.
- b. Ahli Kad yang Layak yang membuat urus niaga runcit terkumpul sebanyak RM300 menggunakan Kad Kredit Emas PB – Petron Visa dalam tempoh 60 hari dari tarikh kad diluluskan.
- c. Ahli Kad yang Layak mesti membuat satu (1) kali pendaftaran SMS ke 66300 dalam tempoh 60 hari dari tarikh kad diluluskan mengikut contoh yang diberi di bawah:-

SMS ke “**PBVD<jarak>No. Kad Kredit 16 digit** dan hantar ke 66300”
(misalnya PBVD 4678941234123412)

Apa-apa pendaftaran SMS dengan nombor Kad Kredit Tambahan tidak akan diterima dan akan terbatal. Ahli Kad Utama hanya perlu membuat satu kali pendaftaran SMS sahaja.

- d. Ahli Kad yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa butir-butir SMS adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Kempen. Bukti SMS yang dihantar bukannya pengesahan penerimaan oleh Bank.
- e. Ahli Kad yang Layak yang berjaya mendaftar untuk Kempen ini akan menerima pengesahan SMS daripada Bank. Pendaftaran dianggap sebagai tidak berjaya jika Ahli Kad yang Layak tidak menerima pengesahan pendaftaran Kempen ini daripada Public Bank. Caj Operator Telco biasa yang standard dikenakan bagi setiap pendaftaran SMS dan akan ditanggung sepenuhnya oleh Ahli Kad yang Layak.
- f. Sekiranya SMS tidak lengkap atau tidak sah, satu SMS akan dihantar ke nombor telefon mudah alih yang digunakan oleh Ahli Kad yang Layak, secara percuma, untuk memaklumkan kepadanya untuk mendaftar semula melalui SMS.
- g. Selepas pendaftaran berjaya dibuat, Ahli Kad yang Layak mesti menggunakan Kad Kredit Emas PB – Petron Visa bagi memenuhi Perbelanjaan yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Fasal 7 di bawah.

- h. Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak apa-apa pendaftaran disebabkan oleh penyertaan berganda, SMS yang tidak lengkap/tidak tepat, penyertaan yang lewat, mesej yang silap, pendaftaran yang tidak berjaya dibuat disebabkan oleh kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang dialami oleh Operator Telco atau bagi apa juga sebab seperti mana yang Bank akan mengikut budi bicara mutlaknya menganggap wajar.
- i. Sekiranya tarikh dan waktu pendaftaran SMS yang berjaya dibuat yang dikesan dalam sistem Bank berbeza atau timbulnya pertikaian mengenai bila pendaftaran dibuat, tarikh dan waktu dalam sistem Bank akan diterima pakai.

Kaedah Kempen

- 6. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad perlu mematuhi kaedah kelayakan perjalanan Kempen dengan melakukan yang berikut :-

Hadiah	Kaedah
10,000 Mata ganjaran Petron Miles	Belanja nilai terkumpul sebanyak RM300 untuk pembelian runcit (tidak termasuk minyak Petron) dalam tempoh 60 hari dari tarikh kad diluluskan
<u>Tambahan</u> 5,000 Mata ganjaran Petron Miles	Belanja nilai terkumpul sebanyak RM500 di Stesen Petron dalam tempoh 60 hari dari tarikh kad diluluskan

- 7. Perbelanjaan yang Layak hendaklah, bagi tujuan Kempen ini, bermaksud apa-apa amaun belanja terkumpul yang bersamaan dengan RM300 dalam mata wang asing bagi setiap urusan niaga yang dibuat dalam Tempoh Kempen menggunakan Kad tersebut (“Perbelanjaan yang Layak”). Perbelanjaan yang Layak yang dibuat dalam mata wang asing selain Ringgit Malaysia, kadar pertukaran semasa Public Bank akan diterima pakai.
- 8. Semua urusan niaga runcit mesti dicaj kepada Kad Kredit Emas PB – Petron Visa untuk layak sebagai Perbelanjaan yang Layak di bawah Kempen ini.
 - a) Perbelanjaan yang Layak atas pembelian runcit yang disebut dalam kaedah kempen di atas termasuklah urusan niaga pembelian barang dan perkhidmatan dan tidak termasuk minyak Petron.

- b) Perbelanjaan yang Layak di Stesen Petron yang disebut dalam kaedah kempen di atas termasuk urus niaga pembelian minyak Petron dan barang-barang runcit di stesen Petron di seluruh negara.
9. Bagi tujuan Kempen ini, Perbelanjaan yang Layak bermaksud pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan (di dalam dan di luar negeri) dengan menggunakan Kad Kredit Emas PB – Petron Visa (“**Kad yang Layak**”) dan boleh, mengikut budi bicara mutlak Public Bank, termasuk urus niaga Kad Kredit Emas PB – Petron Visa seperti yang akan ditentukan oleh Public Bank kecuali bagi urus niaga yang berikut tetapi tidak terhad pada:
- a) “Flexipay” DAN bayaran ansuran bulanan “Pelan Ansuran Sifar Faedah”
 - b) Pindahan Baki
 - c) Bayaran Debit Auto dan Bayaran Berulang
 - d) Bayaran untuk utiliti, pemasaran terus, premium insurans, pembayaran berkaitan kerajaan, pembayaran melalui www.pbebank.com
 - e) Apa-apa pulangan balik, urus niaga yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau bagi tujuan penipuan
 - f) Pendahuluan Tunai/Pengeluaran Tunai, separa tunai, urus niaga kasino, pembayaran faedah, fi pembayaran lewat, caj kewangan, fi tahunan, penarikbalikan, pembayaran kepada badan-badan kebajikan, Cukai Barang dan Perkhidmatan dan apa-apa jenis fi perkhidmatan/rencam.

Mata ganjaran Petron

- 10. Setiap Ahli Kad yang Layak hanya layak untuk mendapat sehingga 15,000 – Mata ganjaran Petron Miles (“Barang Kempen”) sepanjang tempoh Kempen.
- 11. Barang Kempen akan hanya diberi kepada Ahli Kad Utama sahaja.
- 12. Terma dan Syarat yang berikut diterima pakai kepada Barang Kempen:-
 - a. Bank berhak untuk menukar mana-mana Barang Kempen dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
 - b. Barang Kempen tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.

- c. Barang Kempen akan dihantar kepada Ahli Kad yang Layak dalam tempoh EMPAT (4) hingga LAPAN (8) minggu selepas setiap bulan berlangsungnya kempen dan apabila semua terma dan syarat yang disenaraikan dipenuhi.
 - d. Public Bank tidak menjamin atau bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan, kehilangan atau kecederaan pada badan yang disebabkan oleh penggunaan Barang Kempen. Bank tidak bertanggungjawab untuk mengiktiraf atau menggantikan apa-apa Barang Kempen yang hilang atau dicuri.
 - e. Ahli Kad yang Layak hendaklah berurusan / berhubung dengan Petron Malaysia secara terus bagi apa-apa maklumat, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang khusus untuk produk dan perkhidmatan, penebusan dan/atau penggunaan Barang Kempen
 - f. Penunaian Barang Kempen dikendalikan oleh AIMIA Proprietary Loyalty – agensi Petron Malaysia yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 5, Wisma UOA II, No. 21 Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia (“AIMIA”).
 - g. Butir-butir untuk menghubungi Ahli Kad yang Layak seperti dalam rekod Bank akan dikongsi dengan AIMIA atau penyedia perkhidmatan gantian jika perlu, bagi tujuan penghantaran Barang Kempen.
 - h. Sekiranya terdapat pertikaian mengenai Barang Kempen atau Barang Kempen tidak diterima, Ahli Kad yang Layak dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Kad PB (03-2176 8000) sebelum **31 Mei 2018** untuk pertanyaan. Tiada permohonan untuk inkuiri akan dilayani selepas **31 Mei 2018**.
13. Mata ganjaran Petron Miles boleh ditebua bagi minyak Petron di semua Stesen Petron di seluruh negara atau barang dagangan melalui www.petronmiles.com.my, tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Petron Malaysia.
14. Mata ganjaran Petron Miles yang dikumpul dalam Kad Ahli Kad akan tamat sekiranya Ahli Kad tidak membuat apa-apa pembelian dan mendapatkan apa-apa Mata ganjaran Petron dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh mata ganjaran diberi. Dalam keadaan sedemikian, Kad tersebut akan dibatalkan dan Mata ganjaran Petron yang terkumpul akan ditarik balik mengikut budi bicara Syarikat tersebut tanpa notis kepada Ahli Kad dan tertakluk pada terma dan syarat lain yang ditetapkan oleh Petron Malaysia.

Terma dan Syarat Am

15. Bank berhak untuk menukar, meminda, memotong atau membuat penambahan kepada Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari mengenai perubahan, pindaan, potongan atau tambahan berkenaan yang hendaklah diterbitkan dalam laman web Bank melalui www.pbebank.com.
16. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad yang Layak:
- a) dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini. Keputusan Bank adalah terakhir, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani;
 - b) bersetuju dan mengizinkan maklumat mengenai beliau diproses, dipungut, digunakan atau disimpan oleh Bank bagi tujuan Kempen ini;
 - c) bersetuju bahawa keputusan Bank adalah terakhir, mengikat dan konklusif dan tiada surat-menyurat, pertikaian atau bantahan akan dilayani; dan
 - d) bersetuju dan mengizinkan Bank, mengikut keadaan, mungkin menggunakan nombor telefon yang didaftarkan untuk tujuan pemasaran dalam lingkungan Bank.
17. Public Bank tidak bergabung dengan Petron Malaysia dan tidak membuat representasi atau jaminan berkenaan dengan kesesuaian Barang Kempen.
18. Public Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah-hadiah yang ditawarkan yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan-bahan pemasaran atau pengiklanan.
19. Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen ini oleh Bank tidak melayakkan Ahli Kad untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap Bank bagi mana-mana atau semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan tersebut.

20. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau berikutan daripadanya, bagiapa-apa kerugian dan kerosakan atau apa juga pun yang ditanggung oleh Ahli Kad yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada penyertaan mereka dalam Kempen ini disebabkan oleh apa-apa tindakan atau ketertinggalan oleh Bank.
21. Terma dan Syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Ahli Kad yang Layak. Sekiranya terdapat pertikaian antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan “Kempen Pemerolehan - Pohon, Belanja dan Dapatkan Sehingga 15,000 Mata Ganjaran Petron Miles”.
22. Sekiranya terdapat pertikaian, percanggahan dan perubahan dalam terma dan syarat antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, terma dan syarat versi Bahasa Ingeris akan diterima pakai.

TAMAT
